

Perluas juga ^{13/10/19} program #GraduanKerja untuk lepasan TVET ³

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran memperluaskan program #GraduanKerja di bawah inisiatif #MalaysiaKerja dalam Belanjawan 2020 untuk lepasan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Setiausaha Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran, Mohammad Rizan Hassan, berkata sudah tiba masa kerajaan mengarusperdanakan kedua-dua aliran iaitu pusat pengajian tinggi awam dan TVET supaya setara dalam menikmati bantuan diberikan.

"Pada masa sama, anak muda bukan saja perlu segera merebut peluang, tetapi komited dengan pekerjaan mereka yang akhirnya menyelesaikan isu tanggapan majikan bahawa anak muda tiada ketahanan dalam pekerjaan," katanya dalam kenyataan.

Beliau mengulas empat inisiatif dibawah #MalaysiaKerja Belanjawan 2020, yang bermatlamat mewujudkan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 350,000 untuk rakyat dalam tempoh lima tahun.

Menyentuh pula #PerantisKerja dibawah inisiatif sama, Rizan berkata, RM5.9 bilion diperuntukkan kepada TVET tidak mencukupi, terutama ketika ekonomi berdepan inflasi dan kos operasi yang tinggi.

Katanya, sistem TVET diharap dapat diselaras di bawah satu kementerian supaya peruntukan itu dapat diagih dengan tersusun dan kos akan lebih murah.

"Di sektor awam saja, ada sekitar 500 institut latihan. Diharap lebih banyak tumpuan diberi untuk menggalakkan pelajar mengambil kursus TVET pada peringkat sekolah. Kita perlu menggalakkan pelajar sekolah melalui insentif ini bagi menarik lebih ramai belajar TVET," katanya.

Katanya, bajet untuk TVET kali ini sangat tertumpu kepada sektor awam dan tidak banyak yang disentuh mengenai penyedia swasta.

"Saya juga ingin mempersoalkan peruntukan untuk pusat latihan TVET swasta yang mempunyai pentauliahian dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). RM50 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) adalah geran kepada pusat pembangunan kemahiran negeri.

"Tiada apa yang disebutkan untuk penyedia swasta. Peruntukan RM5.9 bilion untuk TVET adalah untuk pusat kemahiran sektor awam. Berapakah jumlah ini akan diberikan kepada PTPK sebagai pinjaman pelajar? Siapa yang akan menguruskan dana